

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, August 21, 2019 9:24 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Beta Gamma Sigma Lahir Mahasiswa Kelas Pertama Yang Holistik



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

21 OGOS 2019 / 20 ZULHIJAH 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: PPA COB

BETA GAMMA SIGMA LAHIR MAHASISWA KELAS PERTAMA YANG HOLISTIK



UUM ONLINE: Pulau Pinang - Mencapai kelas pertama, berada di kelompok 10 peratus teratas dalam program pengajian, aktif dalam aktiviti kampus, kemahiran komunikasi, penyelesaian masalah dan pemikiran kritikal adalah antara cabaran yang harus ditempuhi 50 pelajar cemerlang Universiti Utara Malaysia (UUM) sebelum ditauliahkan sebagai ahli kumpulan ketiga Beta Gamma Sigma (BGS) UUM Chapter pada Majlis Induksi BGS 2019 di Berjaya Hotel, kelmarin.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali berkata, kebanyakan pelajar mengejar kecemerlangan akademik sehingga mengabaikan peluang untuk mengembangkan kemahiran sosial dan praktikal mereka.

Menurutnya, majikan mencari calon yang bukan sahaja cemerlang akademik tetapi dilengkapi dengan *soft skill* dan pelajar BGS UUM memiliki pelbagai kemahiran yang dicari-cari oleh setiap majikan.

Pada majlis itu, beliau menyampaikan sijil kepada ahli baru BGS UUM Chapter serta Ahli Kehormat BGS UUM Chapter kepada Pengurus Negara Malaysia dan Brunei Qatar Airways, Dato' Muzammil Mohamad yang merupakan alumni UUM.

Dato' Muzammil turut menyampaikan ucapan kepada ahli baharu BGS UUM dan berkongsi prinsip untuk mencapai kejayaan dalam hidup iaitu sifat rendah diri, integriti dan menepati masa.

Beliau juga menyeru ahli BGS ini supaya meneruskan usaha menjadi mahasiswa yang cemerlang bagi mengharumkan nama UUM di persada antarabangsa.

Sementara itu, Siswi Pentadbiran Perniagaan, Nur Fatini Yaacob yang menerima pentauliah BGS UUM Chapter melahirkan rasa bersyukur dan gembira dengan kejayaan yang amat didambakan.

"Ini adalah impian yang saya lakar suatu ketika dulu, satu pencapaian yang membanggakan dan saya tidak sangka akan menggenggam sijil tauliah BGS ini.

"Selepas mendengar pengalaman yang ditimba oleh *senior* BGS, timbul minat dan semangat membara untuk menyertai kelab berprestij yang diiktiraf di peringkat Antarabangsa ini.

"Pada mulanya saya ingin cabar diri saya dan cabaran sebelum masuk BGS, calon perlu memastikan CGPA sentiasa berada dalam kelas pertama dan aktif dalam pelbagai aktiviti, jadi saya sahut cabaran ini," katanya.

Nur Fatini berkata, dia belajar pelbagai perkara misalnya bagaimana ingin menceburkan diri dalam industri di Malaysia seperti Industrial Talk dan Sustainable Development Goals Poster Competition, di samping mengasah bakat dan kemahiran setiap individu dalam melontarkan pandangan.

Menurutnya, dia bertekad untuk terus bergiat aktif dalam BGS dengan menyertai pelbagai aktiviti bagi merebut pengalaman dan memanfaatkan keistimewaan yang ditawarkan.

"Bagi pelajar yang ingin menjadi ahli BGS, tanamkan impian segalanya tidak mustahil dengan usaha yang tidak pernah kenal erti jemu kerana mendapat pentauliah ini satu perkara yang mengujakan tidak akan dilupakan sampai bila-bila," katanya.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.